



PENYELIDIK: Pasukan penyelidik bersama-sama pihak pengurusan sekolah

Penyelidik FPSK UMS latih murid jadi pembimbing rakan sebaya

Menerusi Program Training of Trainers berkaitan AMR di SK Pekan
UB 20.12.2023 P.04

KOTA KINABALU: Sekumpulan penyelidik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program Training of Trainers (ToT) berkaitan Antimicrobial Resistance (AMR) dalam kalangan murid sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan (SK) Pekan Kota Belud baru-baru ini.

Program itu bertujuan melatih peserta untuk menjadi pembimbing rakan sebaya bagi menyebarkan kesedaran berkenaan AMR.

Selain itu, ia juga bagi meningkatkan pengetahuan dan amalan berkenaan AMR dalam kalangan peserta.

Guru Besar SK Pekan Kota Belud Rusdi Suin berkata, program seperti itu sangat memberi manfaat bukan kepada murid-murid malahan juga kepada guru-guru.

“Seperti yang kita sedia maklum, AMR adalah salah satu ancaman yang besar kepada negara. Jadi, amatlah sesuai jika pendedahan tentang AMR diberikan sejak dari sekolah.

“Kami dari pihak sekolah sentiasa mengalui-alukan penglibatan pihak universiti demi pembangunan anak watan,” katanya ketika merasmikan nemhukkaan program



PESERTA: Seramai 20 murid dari SK Pekan dan SK Piasau menyertai ToT AMR.

itu.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan FPSK, Dr. Zulkhairul Naim Sidek Ahmad berkata, peningkatan AMR menjadi ancaman membimbangkan di seluruh dunia termasuk Malaysia kerana ia menyebabkan penyakit sukar diubati dan akan meningkatkan risiko

morbidity dan kematian.

“Sehubungan itu, kempen pendidikan awal berkenaan AMR amatlah membantu dalam mengurangkan penyebaran AMR.

“Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerada United States

Agency for International Development- Southeast Asia One Health University Network (USAID-SEAOUN) kerana sudi menaja program ini,” katanya yang juga Ketua Projek AMR.

Seramai 20 murid SK Pekan dan SK Piasau Kota Belud dan tiga guru pengiring menvertai program itu.